



04 MAY, 2021

## Pakar kesihatan syor segerakan PKP

Berita Harian, Malaysia

### Penularan COVID-19

# Pakar kesihatan syor segerakan PKP

**Kementerian diminta larang aktiviti sosial, seragam SOP susulan pandemik semakin kritikal**

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pakar kesihatan awam mencadangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan segera, dengan memberi penekanan kepada larangan aktiviti sosial, susulan situasi COVID-19 di Malaysia yang kritikal ketika ini.

Selain itu, arahan seragam berkaitan prosedur operasi standard (SOP) perlu dikeluarkan semua kementerian supaya pelaksanaannya sama dan lebih mudah dipatuhi rakyat.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi & Biosta-

tistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata kerajaan perlu melaksanakan PKP sekali lagi bagi membendung penularan jangkitan.

"Penekanan perlu diberikan kepada larangan aktiviti makan minum dan majlis keramaian, sama ada di premis awam atau persendirian yang menjadi penyumbang kepada pertambahan kes.

"Ini sekali gus akan mengelakkan beban berterusan terhadap sistem perkhidmatan kesihatan," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan jangkitan COVID-19 sejak lima minggu lalu menyebabkan kapasiti kesihatan di Lembah Klang kini berada pada tahap membimbangkan.

Semalam, beliau memaklumkan, kadar penggunaan katil kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) untuk merawat pesakit COVID-19 di hospital di Lembah Klang, kini mencapai 90 peratus dengan enam hospital didapati melebihi ambang amaran dengan kadar

**"Ini sekali gus akan mengelak beban berterusan terhadap sistem perkhidmatan kesihatan"**



**Dr Malina Osman,**  
Pakar Perubatan  
Kesihatan Awam  
(Epidemiologi &  
Biostatistik) UPM

**"Arahan berpusat dan seragam dalam hal ini adalah sangat penting"**



**Dr Sharifa Ezat  
Wan Puteh,**  
Pakar Kesihatan  
Awam, UKM

penggunaan katil melebihi 70 peratus.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata komunikasi yang kurang berkesan antara pelbagai kementerian terbukti menjejaskan pematuan SOP.

"Kesan pelaksanaan SOP yang berbeza akan dilihat rakyat dan seterusnya, mereka juga kurang patuh kepada SOP serta garis panduan sedia ada.

"Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan memberi kebenaran kepada pelajar untuk pulang beraya, sedangkan kes di kawasan yang terbabit tinggi.

"Selain itu, kehadiran maksimum pekerja sektor swasta dan majlis untuk apa-apa sesi juga masih dibenarkan dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT), sedangkan kes semakin tinggi.

"Justeru, arahan berpusat dan seragam dalam hal ini adalah sangat penting," katanya.

Dr Sharifa Ezat, berkata secara umumnya, rakyat negara ini patuh kepada SOP seperti pema-

kiaan pelitup muka dan penggunaan aplikasi MySejahtera, namun penjarakan satu meter sukar diamalkan.

"Antara sebab kepada masalah penjarakan sosial ini adalah had maksimum pelanggan di kedai makan, tempat kerja dan kilang yang tidak dilaksanakan dengan ketat.

"Sepatutnya had pekerja atau pelanggan perlu dipamerkan oleh semua premis bagi mengelak kesesakan serta orang berkumpul," katanya.

Selain itu katanya, pelaksanaan SOP secara bersasar di kawasan yang tinggi jangkitan adalah cara utama untuk mengawal penularan kes.

"Di Selangor dan Wilayah Persekutuan, hampir semua daerah terjejas, maka PKP membabitkan kawalan pergerakan berkesan untuk menurunkan kes dalam jangka masa yang lebih pendek.

"Kerajaan juga perlu mengawal pergerakan keluar masuk warga asing atau rakyat negara ini dari negara terjejas teruk seperti India dengan varian B.1.617 yang baharu," katanya.



04 MAY, 2021

## Pakar kesihatan syor segerakan PKP

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### Penularan COVID-19

Kementerian diminta larang aktiviti sosial, seragam SOP susulan pandemik semakin kritikal

Kuala Lumpur: Pakar kesihatan awam mencadangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan segera, dengan memberi penekanan kepada larangan aktiviti sosial, susulan situasi COVID-19 di Malaysia yang kritikal ketika ini. Selain itu, arahan seragam berkaitan prosedur operasi standard (SOP) perlu dikeluarkan semua kementerian supaya pelaksanaannya sama dan lebih mudah dipatuhi rakyat.